

16
NO. SOALAN: 406

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM
PARLIMEN KETIGA BELAS (2018)
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB IR. SHAHARUDDIN BIN ISMAIL
[KANGAR]**

SOALAN :

Ir. Shaharuddin Bin Ismail [Kangar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah jumlah dan adakah Kementerian mempunyai perancangan untuk memohon tambahan lebih banyak kuota haji bagi rakyat Malaysia sebagai salah satu usaha memendekkan tempoh menunggu pendeposit Tabung Haji yang telah mendaftar bagi menunaikan haji.

JAWAPAN : **(YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR
BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN
PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setiap tahun kerajaan Malaysia berusaha untuk membuat permohonan rasmi kepada Kerajaan Arab Saudi untuk mendapatkan kuota tambahan bagi membolehkan lebih ramai umat Islam Malaysia menunaikan haji.

Pada musim haji 1439H/2018M, erajaan telahpun membuat permohonan rasmi kepada Tuanku Raja Salman bin Abdul Aziz Al- Saud, Penjaga Dua Kota Suci, untuk mendapatkan kuota tambahan.

Walau apa pun usaha untuk memendekkan tempoh menunggu menuaikan haji, ia adalah amat bergantung kepada keputusan pihak Kerajaan Arab Saudi meluluskan kuota haji tahunan untuk setiap negara termasuk Malaysia.

Sekian. terima kasih.